

RAKAMAN FORUM PERDANA, HAL EHWAL ISLAM SEMPENA SAMBUTAN HARI AUDIT SE MALAYSIA TAHUN 2009

Jabatan Audit Negara dengan kerjasama Yayasan Islam Terengganu telah menganjurkan dua rakaman Forum Perdana, Hal Ehwal Islam bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, Universiti Darul Iman (UDM), Kampus KUSZA, Kuala Terengganu pada 2 Oktober 2009 sempena sambutan Hari Audit Se Malaysia Tahun 2009. Rakaman tersebut telah diadakan oleh Bahagian Media Elektronik dan Penyiaran (TV), JAKIM dengan kerjasama RTM. Rakaman slot pertama bertajuk ‘Ringgit ke Ringgit, Ihsan Siapa?’ bermula pada jam 8.30 malam yang telah dipengerusikan oleh Ustaz Zakaria Othman (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) dan tiga ahli panel terdiri daripada Tuan Haji Mustafar Haji Ali (Timbalan Presiden, Institut Integriti Malaysia), Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Syed Othman Syed Hussin Alhabshi (Ketua Pegawai Akademik, *International Centre for Education in Islamic Finance*) dan Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail (Jabatan Siasah Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). Perantara bagi majlis ini adalah Encik Amin Idris. Di dalam slot ini pengurus dan ahli panel telah membincangkan dan mengupas intipati tajuk di atas iaitu ringgit adalah merujuk kepada harta atau wang yang mana ianya adalah ihsan atau kurniaan daripada Allah S.W.T. kepada umat makhluknya di mukabumi ini iaitu manusia. Ianya adalah amanah yang mana perlu dijaga dan digunakan sebaik mungkin oleh kita selaku penjawat awam. Ringgit atau harta itu hendaklah dibayar zakatnya dan dibahagi-bahagikan kepada yang memerlukannya.



Rakaman slot kedua pula bertajuk ‘Hutang’ bermula pada jam 9.30 malam juga telah dipengerusikan oleh Ustaz Zakaria Othman (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) dan tiga ahli panel pula terdiri daripada Ustaz Abdul Halim Awang (Timbalan Mufti Terengganu), Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Syed Othman Syed Hussin Alhabshi (Ketua Pegawai Akademik, *International Centre for Education in Islamic Finance*) dan Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail (Jabatan Siasah Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). Perantara majlis juga adalah Encik Amin Idris. Di dalam slot ini pengurus dan ahli panel telah membincangkan dan mengupas intipati tajuk di atas iaitu hutang dimana ianya hendaklah dirancang sebaik mungkin atau hutang yang dibuat hendaklah digunakan seperti yang dirancangkan. Kita selaku penjawat awam hendaklah mengambil kira kemampuan dan keupayaan sebelum membuat sesuatu hutang. Apabila kita berhutang, janganlah pula kita menggunakan hutang tersebut untuk perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti bermegah-megah dan membazir. Kedua-dua sesi rakaman tersebut telah berlangsung dengan jayanya.

